

Harian Metro
6/7/15
mls 10



2 KAWASAN 'PANAS'

Kawasan 'panas' dikenal pasti menjadi la paling banyak berlaku kemalangan di Lebuhraya Pantai Timur Fasa II (LPT2)

■ Kijal, Cheneh catat kadar kemalangan paling tinggi di LPT2

Oleh Helmy Abd Rahman dan Rosli Ilham
am@hmetro.com.my
Kuala Terengganu

“Faktor memandu dalam keadaan

Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam dan Infrastruktur Terengganu Rosli Othman berkata, pihaknya sedar bahaya menanti pengguna LPT2 dan mengambil beberapa

lihat lembunya dari jauh tanpa berasa bersalah amat sangat dikesali,” katanya.

Menurutnya, kebanyakan kemalangan juga membabitkan kecuaiannya pengguna sen-

Dua kawasan 'panas' dikenal pasti menjadi laluan paling banyak berlaku kemalangan di Lebuhraya Pantai Timur Fasa II (LPT2) iaitu membabitkan kawasan Kijal dan Cheneh di Kemaman serta susur keluar Ajil.

Antara penyebab utama berlaku kemalangan di laluan terbabit ialah kerana keadaan jalannya beralun dan tidak rata di kawasan terbabit.

Ditambah pula dengan sikap ramai pemandu yang mengabaikan soal keselamatan dengan memecut melebihi had laju, lebuhraya berkenaan seolah-olah menjadi perangkap maut sehingga hampir setiap minggu kedegaran kes kemalangan.

Tidak kurang banyak kes kemalangan membabitkan pelanggaran kenderaan pengguna dengan haiwan ternakan atau liar antaranya lembu, babi hutan, tapir dan beruang matahari.

Keadaan ini disebabkan tin-

mengantuk juga menjadi penyebab kemalangan dan sepatutnya pemandu kenderaan harus berhenti dan tidur seketika di mana-mana R&R”

Rosli Othman

dakan segelintir pemilik binatang ternakan memotong pagar di beberapa lokasi LPT2 untuk membolehkan haiwan peliharaan mereka masuk mencari makanan ke dalam kawasan lebuhraya.

Selain itu, terdapat beberapa kes membabitkan laluan angin lintang dan lintasan air seterusnya menjadi antara penyebab berlakunya kemalangan.

Sejak dibuka pada Ogos 2011 sehingga awal bulan ini, lebih 1,500 kes kemalangan membabitkan 50 kematian direkodkan di lebuhraya sepanjang 184 kilometer itu.

LPT2 dan mengambil beberapa langkah yang perlu bagi membaiki kekurangan terdapat di situ, sekali gus mengurangkan risiko kemalangan.

“Contohnya, kerajaan negeri membelanjakan RM300,000 membaiki pagar dipotong penternak haiwan ternakan,” katanya.

Menurutnya, bagi mengatasi masalah itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) juga beberapa kali memanggil penternak haiwan di lokasi berhampiran lebuhraya untuk menasihatkan mereka supaya menjaga dan mengurung ternakan masing-masing serta tidak mencerooboh masuk ke LPT2.

“Memang tidak dinafikan, sebelum ini terdapat pemilik ternakan membuat ‘kerja gila’ dengan (memotong pagar) seperti itu.

“Malah, saya sendiri pernah berdepan satu kemalangan di Kemaman membabitkan binatang ternakan. Tindakan pemilik lembu sekadar me-

kan kecuaiannya pemandu sendiri yang memandu melebihi had laju.

“Sekiranya pemandu mengikut had laju ditetapkan, saya percaya kemalangan maut dapat dielakkan. Faktor pemandu dalam keadaan mengantuk juga menjadi penyebab kemalangan dan sepatutnya pemandu kenderaan harus berhenti dan tidur seketika di mana-mana R&R (Hentian Rawat & Rehat) sebelum meneruskan perjalanan,” katanya.


Menurutnya, pihaknya memanggil beberapa agensi antaranya Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) untuk membincangkan kelancaran kerja membaiki kekurangan LPT2 selain bermesyuarat mengenai isu keselamatan.

“Realitinya, semua yang perlu sudah dilaksanakan. Harapnya selepas ini tiada lagi kemalangan terutama insiden maut berlaku di LPT2,” katanya.



Harian metro
617115
mls 11





Kronologi Kemalangan di LPT

15 MEI 2015

Maran: Seorang pegawai latihan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kuala Kubu Baru, Selangor, terbunuh selepas kereta Proton Satria dinaikinya terbabas dan merempuh besi penghadang jalan, di Kilometer 171.6 Lebuhraya Pantai Timur (LPT), berhampiran Plaza Tol Maran.

16 MAC 2015

Kuantan: Sepasang suami isteri maut manakala bayi perempuan mereka berusia sebulan parah dalam kemalangan di Kilometer 210, Lebuhraya Pantai Timur (LPT) berhampiran susur keluar Gambang kira-kira jam 2.30 petang.

14 MAC 2015

Kuantan: Seorang ibu maut ketika dalam perjalanan menghantar anaknya untuk mendapatkan rawatan susulan akibat penyakit kronik di sebuah hospital di Kuala Lumpur. Fatimah Abu Bakar, 64, meninggal dunia di tempat kejadian dalam kemalangan di Kilometer 205 Lebuhraya Pantai Timur (LPT) menghala Kuala Lumpur, dekat Gambang.

12 JANUARI 2015

Maran: Dua pelajar Kolej Shahputra Kuantan yang dalam perjalanan pulang ke kampus selepas menghabiskan cuti semester bersama keluarga, maut apabila kereta Perodua Viva dinaiki mereka merempuh belakang sebuah bas ekspres di Kilometer 153.5 Lebuhraya Pantai Timur (LPT), dekat Maran yang menyebabkan Aimi Sarah Abd Hissam, 20, berasal dari Taman Muda, Cheras, Kuala Lumpur dan penumpang depan, Nurul Aida Ahmad Tajudin, 20, berasal dari Setiawan, Perak maut di tempat kejadian akibat cedera parah di kepala.

16 JUN 2014

Temerloh: Empat lelaki warga Myanmar maut di tempat kejadian manakala tujuh lagi cedera termasuk seorang pemandu dipercayai tekong darat warga tempatan berusia 30 tahun dari Tanah Merah, Kelantan, apabila kereta Honda Accord dinaiki mereka terbabas di Kilometer 134.1 Lebuhraya Pantai Timur (LPT), dekat plaza tol Temerloh.

Unsur 'mistik' ganggu pengguna jalan raya

Kuantan: Berpuaka, keadaan jalan tidak selamat atau sikap pemandu yang terburu-buru mungkin menjadi punca kepada kemalangan maut di laluan yang dianggap 'keras' dan terkenal sebagai kawasan sering meragut nyawa pengguna di negeri ini.

Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang menjadi antara laluan utama menghubungkan negeri pantai barat untuk ke negeri pantai timur sering menjadi medan yang meragut banyak nyawa pengguna jalan raya terutama ketika musim perayaan.

Kebanyakan kemalangan meragut nyawa di laluan itu berlaku pada waktu malam di laluan tertentu, sekali gus dikaitkan dengan unsur mistik yang sering mengganggu pengguna jalan raya hingga menyebabkan kecelakaan.

Perkara itu diakui dalam kalangan penarik kereta atau dikenali sebagai 'longkai' yang ada beberapa laluan di LPT dianggap keras dan sering me-

ragut banyak nyawa setiap tahun.

Mohd Hafizan Ismail, 35, dari Taman Tas, di sini, berkata, pengalamannya bekerja sebagai longkai lebih 10 tahun memberikan banyak pengalaman terutama ketika menghadapi kemalangan maut di laluan berkenaan.

Katanya, laluan LPT berhampiran susur keluar Tol Maran hingga ke Gambang, dekat sini, dikenal pasti sebagai laluan menyneramkan kepada semua penarik kereta kerana sering berlaku kemalangan maut dipercayai kerana ada gangguan makhluk halus.

"Saya pernah menyelamatkan tiga mangsa kemalangan di Maran apabila kereta mereka berpusing sebelum menghentam pembahagi jalan tahun lalu dengan dua daripadanya meninggal dunia.

"Namun, apa yang hairankan menurut mangsa ter selamat, dia mengelak 'sesuatu' yang melintas tiba-tiba menyebabkannya kemalangan," katanya.

